

31/10/2003

Pak Mail bawa pulang batu dari Itali

BAGI kebanyakan orang yang pergi ke luar negara, mereka lazimnya membeli cenderamata seperti buah tangan sama ada untuk koleksi peribadi atau diberi kepada saudara mara serta rakan sebagai kenangan.

Tetapi lain pula dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang suka membawa pulang sesuatu benda untuk kebaikan negaranya sama ada seketul batu, bahan landskap atau apa saja produk yang akhirnya memberi faedah untuk rakyat.

Seorang pengawal peribadi Perdana Menteri, Sarjan Mejar Ismail Manaf, 57, berkata Dr Mahathir pernah membawa pulang sejenis batu dikenali sebagai 'cobble stone' yang dijumpai secara tidak sengaja di sebatang jalan di Itali.

"Ketika itu (1991), saya mengiringi PM berjoging dan secara tiba-tiba beliau tersepak satu benda. PM pun tengok dengan lebih dekat dan kemudian menoleh ke arah saya sambil bertanya sama ada saya boleh membawa benda itu ke Malaysia.

"Saya segera mengambilnya dan kami terus berjoging. Dua minggu kemudian selepas balik ke Malaysia, PM memanggil Datuk Bandar Kuala Lumpur ketika itu, Tan Sri Elyas Omar dan memberikan barangan dari Itali itu," katanya.

Sekarang kita dapat lihat, teknologi ala 'cobble stone' itu yang popular digunakan di jalan raya di Eropah, diguna pakai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di ibu negara bertujuan memperlancarkan kenderaan di persimpangan tertentu termasuk jalan ke Dataran Merdeka di Jalan Raja Laut.

Elyas yang menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur antara 1983 hingga 1992, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Beliau berkata, malah Dr Mahathir turut menunjukkan gambar sekitar jalan raya yang cantik di Eropah dan meminta beliau melaksanakannya di Kuala Lumpur.

"Bukan Perdana Menteri suruh buat benda yang sama, tetapi memikirkan bagaimana ia boleh digunakan di negara ini. Dari situlah timbul idea menggunakan 'interlocking tiles' di jalan raya bagi memperlancarkan kenderaan seperti yang ada di Dataran Merdeka.

"Sekarang penggunaan seperti 'cobble stone' itu digunakan di seluruh negara, malah ditiru pula oleh negara lain seperti penggunaannya di Jeddah," kata Elyas.

Ismail atau lebih dikenali panggilan Pak Mail seterusnya berkata, Dr Mahathir juga pernah membeli buku landskap berharga AS\$250 (RM950) di luar negara dan memberikannya kepada Elyas. Ini turut disahkan oleh Elyas yang mengakui Dr Mahathir banyak mencetuskan idea bagaimana mencantikkan Kuala Lumpur.

Pak Mail berkata, Perdana Menteri mahu Kuala Lumpur menjadi cantik dan mahukan Datuk Bandar menerapkan ilmu daripada buku itu untuk keindahan ibu kota.

Pada 1990, Dr Mahathir mengisytiharkan Kuala Lumpur sebagai 'Bandaraya Taman Bercahaya'.

Malah ketika itu juga, Perdana Menteri sudah membayangkan Kuala Lumpur akan menjadi bandar yang cantik, bersih dan mempunyai sistem pengangkutan yang baik apabila Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

"Di celah-celah jadual rasmi atau berjalan-jalan termasuk di luar negara, PM memanfaatkan masanya untuk sesuatu yang berfaedah," katanya yang mula ditugaskan dengan Dr Mahathir sejak Disember 1978.

Kata Pak Mail, pernah sepasang suami isteri berbangsa Australia yang terkejut dengan kehadiran Perdana Menteri di tengah orang ramai di pusat

beli-belah di ibu negara.

"Pelancong itu bertanya PM mengapa jalan sendirian tanpa pengawal. PM kata ada pengawal, tetapi memberitahu pasangan itu bahawa di sini (Malaysia) adalah sebuah negara demokrasi yang aman.

Seorang lagi pengawal peribadi Perdana Menteri, Sub Inspektor Fadzilah Lazim berkata Dr Mahathir kerap juga menggunakan bahasa isyarat tersendiri terutama apabila berada di tempat keramaian atau menemui pemimpin lain termasuk pemimpin asing.

"Sebab itulah kami sebagai pengawal akan duduk di sudut strategik yang boleh dilihat oleh PM dan kami juga boleh melihat PM. Bila tengah duduk dan PM kerap memandangi kita, kita faham lah maksudnya yang mahu sesuatu. Kita pun akan datang," katanya yang sudah bertugas dengan Dr Mahathir sejak 1983.

Malek Lebar, 43, yang bertugas sebagai pengawal Dr Mahathir sejak 1986 turut bersetuju.

(END)